

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Ancaman strok haba ujian kepada jemaah Malaysia | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 23 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 5 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 241 cm ² |
| Journalist | Melaporkan dari MEKAH, ARAB SAUDI | AdValue | RM 4,763 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,290 |



Ancaman strok haba ujian kepada jemaah Malaysia



MEKAH 22 Jun - Seramai 22,320 jemaah Malaysia yang akan menunaikan haji tahun ini diminta bersiap sedia berikutan jangkaan cuaca lebih panas sehingga boleh membawa ancaman strok haba.

Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, cuaca tersebut dijangka boleh mencecah melebihi 50 darjah Celsius berbanding tahun lepas iaitu 48 darjah Celsius di sini.

“Suhu yang tinggi itu dikhuatiri boleh membawa ancaman strok haba ke atas jemaah kita sehingga menyebabkan kematian.

“Daripada 43 kematian jemaah haji tahun lepas, terdapat beberapa kes berpunca daripada strok haba, selain kes kren tumbang, rempuhan, sakit jantung, kanser dan lain-lain,” katanya kepada wartawan Malaysia selepas meninjau persiapan Tabung Haji untuk musim haji di sini hari ini.

Turut hadir Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Johan Abdullah.

Abdul Azeez menasihatkan jemaah Malaysia supaya minum lebih banyak air bagi mengelak badan dehidrasi terutama selepas beribadah di Mina dan



ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM (kiri) dan Johan Abdullah pada sidang akhbar di Mekah, semalam. - BERNAMA

Muzdalifah nanti.

Beliau memberitahu, terdapat kes serangan strok haba menjadi pencetus kepada kematian jemaah apabila tidak mengambil ubat secara berjadual untuk mengawal penyakit mereka.

“Seramai 250 petugas perubatan termasuk 15 doktor pakar disediakan Tabung Haji bagi mengawal selia jemaah dan mengambil maklum mengenai keadaan cuaca serta ancaman strok haba itu,” ujarnya.

Mengenai rayuan kuota pula, beliau meminta mereka yang menunggu giliran serta rayuan supaya mengemas kini buku simpanan dengan memberikan nombor telefon terkini di semua cawangan Tabung Haji.

“Kita harap mereka memberi nombor telefon terkini agar mudah dihubungi.

“Pihak kita sudah ambil langkah awal untuk membuat perediaan penginapan dan lain-lain andainya rayuan itu diluluskan,” katanya.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak juga memainkan peranan penting dalam mendapatkan kelulusan rayuan kuota itu.

“Ini kerana Perdana Menteri mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan Arab Saudi dan dapat membantu kita mendapatkan kuota tersebut,” ujarnya.

Azeez berkata, pihaknya menjangkakan pengumuman itu akan dibuat pada akhir Julai ini.